

Orientasi Nilai Budaya Dalam Kisah Surah Al-Kahfi

Orientation of Cultural Values In The Story Of Surah Al-Kahfi

Wan Basyirah Abdul Majid^{1*}, Muhamad Zaidi Zakaria², Muhammad Irfan Mhd Rusdi³

¹Pelajar Sarjana Bahasa Gunaan, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 2020806982@student.uitm.edu.my

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, muhazaidi@uitm.edu.my

³Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, irfanrusdi@uitm.edu.my

ABSTRAK

Nilai budaya merupakan corak kehidupan manusia yang merangkumi aspek dalaman dan luaran yang terdiri daripada tingkah laku, pegangan agama, adat, pakaian dan sebagainya serta berkembang mengikut peredaran masa dan kemajuan teknologi moden. Sehingga kini, nilai budaya masih belum difahami dengan jelas kerana terdapat perbezaan nilai budaya bagi setiap masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kadang kala mempunyai persamaan dan pertembungan budaya. Pemahaman yang baik terhadap sistem nilai budaya dan orientasi nilai budaya akan menjadi panduan kepada manusia dalam menjalani kehidupan seharian seterusnya menyumbang kepada ketamadunan masyarakat. Maka, objektif utama kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai budaya yang terdapat melalui empat kisah dalam Surah Al-Kahfi berdasarkan tiga orientasi nilai budaya yang dipilih. Metodologi penyelidikan yang digunakan adalah analisis deskriptif melalui kaedah analisis kandungan. Data yang dikenal pasti, dikumpul dan dianalisis daripada empat kisah iaitu kisah Ashabul Kahfi, kisah Pemilik Dua Kebun, kisah Musa Bersama Khidir AS dan kisah Zulkarnain berlandaskan teori Orientasi Nilai Budaya (Kluckhohn, 1951). Dapatan analisis menemukan tiga orientasi nilai budaya dengan enam kutipan nilai-nilai budaya yang berkait iaitu yang pertama, aspek hubungan manusia dengan kerja yang mempunyai tiga nilai budaya; A) Nilai tanggungjawab, B) Nilai berusaha, dan C) Nilai pengorbanan. Seterusnya yang kedua, aspek hubungan manusia dengan waktu terdapat satu nilai budaya; A) Nilai tawakal. Manakala yang ketiga, aspek hubungan manusia dengan alam mengandungi dua nilai budaya iaitu A) Nilai pendidikan dan B) Nilai tawaduk. Secara keseluruhannya, orientasi nilai budaya berkait permasalahan kehidupan dalam kisah-kisah yang dikaji memaparkan nilai-nilai budaya yang dapat dijadikan panduan dan pedoman dalam menjalani kehidupan.

Kata Kunci: *Orientasi Nilai Budaya, Kisah Surah Al-Kahfi, Nilai Budaya*

ABSTRAK

Cultural values are human life patterns that comprise characteristics of inner and outward life such as behaviour, beliefs, habits, attire, and so on. Then it developed with the flow of time and the advent of contemporary technologies. To date, cultural values are yet to be understood clearly as there are differences in cultural values for each society which consists of various races and sometimes have similarities and cultural clashes. These values have

their own conceptualization and categorization, and a thorough knowledge of them may educate individuals in their daily lives, contributing to the urbanisation of civilizations. The main objective of this study is to identify and analyze the cultural values found through the four stories in surah al-Kahfi based on three selected cultural value orientations. The research methodology used is descriptive analysis through content analysis method. Data were identified, collected and analyzed from four stories which is the story of Ashabul Kahfi, the story of the Owner of Two Gardens, the story of Musa Bersama Khidir AS and the story of Zulkarnain based on Cultural Value Orientation Theory (C. Kluckhohn, 1951). The findings of the analysis found three orientations of cultural values that have six collections of related cultural values, which the first, aspects of human relationships with work that have three cultural values; A) The value of responsibility, B) The value of effort, and C) The value of sacrifice. The second, the aspect of human relationship with time there is one cultural value; A) The value of tawakal. While the third, the aspect of human relationship with nature contains two cultural values which are A) The value of education and B) The value of humility. Overall, the orientation of cultural values related to life problems in the stories that were studied display cultural values that can be used as a guidance and enlighten readers on how to adopt cultural values that could also lead them in daily life.

Keywords: *Cultural Value Orientation, Quranic Stories In Surah Al-Kahfi, Cultural Values*

Received: March 17, 2023

Accepted: May 27, 2023

Online Published: May 30, 2023

Pengenalan

Menurut (Syukran, 2018), budaya dan bahasa merupakan bentuk hasil pemikiran manusia. Budaya adalah satu gaya kehidupan manusia yang merangkumi cara pemikiran, ekspresi perasaan dan tingkah laku tindakan. Setiap budaya mempunyai nilainya yang tersendiri, dan sistem nilai budaya yang baik mampu menyumbang kepada pembangunan sesebuah negara maju dan masyarakat yang bertamadun. Nilai budaya menurut C. Kluckhohn (1962) adalah satu konsep tersusun yang mempengaruhi tingkah laku manusia dalam kehidupan dan mempunyai hubungan yang kuat antara manusia dan alam. Nilai ini merangkumi aspek cara kehidupan manusia, kepercayaan, adat, pemakanan, cara berpakaian dan lain-lain lagi. Manakala bahasa menjadi satu alat perhubungan yang penting dalam menghubungkan manusia dengan manusia lain. Tambahan pula, bahasa adalah sebahagian daripada budaya yang menentukan identiti bagi sesebuah masyarakat (Devi Eka Diantika, 2020).

Perbincangan isu nilai budaya banyak dilakukan dalam penulisan kreatif melalui karya-karya sastera seperti cerpen, novel, hikayat, dan puisi yang dihasilkan oleh sasterawan dari seluruh pelusok dunia (Norazlina Haji Mohd. Kiram et al., 2017a). Walau bagaimanapun, terdapat segelintir masyarakat yang masih belum memahami dan mengamalkan nilai-nilai budaya seperti nilai ketakwaan, nilai tanggungjawab, nilai keimanan kepada Tuhan, nilai kesopanan dan lain-lain nilai dengan sebaiknya (Nurul Hafidhah et al., 2017). Nilai-nilai ini sangat penting kerana ianya terkait prinsip dan tatacara yang sudah tertanam dalam diri seseorang individu di samping menjadi nilai asas dalam menjalani kehidupan.

Selain itu, dalam arus globalisasi yang semakin pesat, nilai budaya berperanan sebagai salah satu pembentuk kebudayaan, sahsiah dan akhlak. Namun demikian, wujudnya penolakan terhadap nilai budaya positif yang dianggap tidak mengikut perkembangan semasa dan tidak relevan dengan konteks masyarakat yang membangun (Norazlina Haji Mohd. Kiram et al., 2017b). Nilai yang sering berubah dan menerima pengaruh budaya luar akan menyebabkan masyarakat keliru dan nilai budaya yang sebenar luntur dalam diri masyarakat serta lama-kelamaan nilai tersebut tidak diamalkan lagi.

Kisah yang dianggap sebagai cerminan kepada masyarakat mampu menetengahkan nilai budaya yang baik kerana banyak memaparkan realiti kehidupan manusia (Armet et al., 2021) yang mempunyai banyak pengajaran melalui penceritaan yang ringkas dan padat dengan sekali gus fungsinya sebagai bahan bacaan pilihan dalam kalangan pembaca. Allah SWT berfirman dalam surah Hud ayat 11 yang bermaksud:

"Dan tiap-tiap berita daripada berita rasul-rasul itu, kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya. Dan telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang-orang yang beriman."

Oleh itu dalam aspek kajian ini, perbincangan hanyalah difokuskan terhadap nilai budaya yang diketengahkan dalam empat kisah daripada Surah Al-Kahfi iaitu kisah Ashabul Kahfi, kisah Pemilik Dua Kebun, kisah Musa bersama Khidir AS dan kisah Zulkarnain.

Pernyataan masalah

Dalam meniti arus kemodenan ini, nilai budaya menjadi salah satu tema penting dalam kajian ilmu antropologi yang merangkumi aspek pencerminan sistem kepercayaan, tradisi kehidupan manusia, organisasi masyarakat dan lain-lain lagi (Asmah Haji Omar, 2020). Penumpuan terhadap makna perkataan melalui bahasa yang diguna pakai dalam peristiwa-peristiwa budaya komuniti khususnya berkaitan nilai budaya banyak dilakukan dalam kajian terdahulu. Hal ini demikian kerana tingkah laku manusia menjadi latar budaya yang membentuk kebudayaan suatu bangsa sekali gus dalam menentukan arah sebuah tamadun yang maju daripada pelbagai aspek.

Sementara itu, permasalahan kajian timbul bertitik tolak daripada sebahagian masyarakat yang masih belum memahami nilai-nilai budaya dengan jelas seperti nilai keimanan, nilai tanggungjawab, nilai kesopanan dan nilai-nilai lain (Nurul Hafidhah et al., 2017). Hal ini akan menyebabkan nilai budaya ini semakin menghilang dan masyarakat mudah terpengaruh dengan nilai budaya asing yang tidak baik. Oleh itu, nilai-nilai ini mestilah difahami terlebih dahulu supaya manusia dapat memperbaiki nilai-nilai negatif yang terdapat dalam diri mereka (Nurul Hafidhah et al., 2017). Unsur agama yang berkait rapat dengan budaya (Jaco, 2017) boleh dijadikan panduan dalam memahami pemilihan nilai budaya yang positif untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Selain itu, isu utama berkenaan ruang lingkup nilai budaya ini sering menjadi perbincangan dalam kalangan penyelidik kerana mempunyai identifikasi dan penjelasan yang berbeza mengikut jenis karya seperti kajian nilai budaya dalam filem (رشيدة معروف, ٢٠٢٠), pertunjukan fesyen (عبيد إبراهيم عبد الحميد إبراهيم, ٢٠٢٠), novel (نجلاء إبراهيم زيد هلال & عبيد إبراهيم عبد الحميد إبراهيم, ٢٠٢٠), novel (Nurul

Hafidhah et al. 2017), puisi (Yeni Maulina, 2017) dan cerita rakyat (Mohd Fahmi Ismail 2017). Setiap nilai budaya yang dikaji juga menggunakan pendekatan yang berbeza mengikut jenis karya masing-masing. Maka konsep nilai budaya yang luas dan meliputi pelbagai aspek ini perlu dikhususkan (Benson et al. 2020) lebih-lebih lagi nilai yang terdapat dalam kisah al-Quran yang sarat dengan panduan dan peringatan. Tambahan pula jika diteliti kisah yang dipaparkan tidak menyebut nama pelaku dan masa kejadian tersebut yang bertujuan ingin memfokuskan terhadap nilai dan pengajaran dalamnya (Siti Nur Aisyah Mohd Azemi & Sarinah Yahya, 2019).

Kesimpulannya, kajian ini menekankan aspek nilai budaya dalam kisah al-Quran bagi mengatasi pengaruh budaya asing dalam kalangan masyarakat dan mengelakkan kekeliruan dalam mengaplikasi nilai budaya dalam kehidupan. Penganalisan nilai budaya akan dilakukan berdasarkan teori orientasi nilai budaya (Kluckhohn, 1951) dengan lebih menyeluruh dan kajian ini diharap dapat membantu pembaca dalam memahami pemaparan nilai budaya melalui kisah dalam Surah Al-Kahfi serta memperkaya kajian intelektual dan khazanah ilmu Islam.

Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti nilai-nilai budaya yang terdapat dalam kisah Surah Al-Kahfi.
2. Menganalisis nilai-nilai budaya yang terdapat dalam kisah Surah Al-Kahfi berdasarkan tiga orientasi nilai budaya yang dipilih.

Fokus kajian

Pengkaji menggunakan pendekatan Teori Orientasi Nilai Budaya (Kluckhohn, 1951) yang membahagikan lima dimensi budaya, 1) Hakikat kehidupan manusia, 2) hakikat hubungan manusia dengan kerja, 3) hakikat hubungan manusia dengan waktu, 4) hakikat hubungan manusia dengan alam, dan 5) hakikat hubungan manusia dengan kelompoknya. Teori ini menjelaskan permasalahan yang dihadapi oleh semua budaya baik dari sudut dalaman dan luaran, seterusnya mengembangkan kaedah untuk menemukan jalan penyelesaian yang berjaya dan sesuai untuk masyarakat.

Fokus kajian ini terbatas kepada perbincangan terhadap tiga pemilihan orientasi nilai budaya sahaja iaitu hakikat hubungan manusia dengan kerja, hakikat hubungan manusia dengan waktu, dan hakikat hubungan manusia dengan alam supaya pengkaji tidak akan tersasar dengan menyentuh aspek lain semasa menjalankan penyelidikan ini. Hal ini kerana ketiga-tiga orientasi tersebut menjadi permasalahan utama dalam kalangan masyarakat dan mempunyai data-data yang diperlukan pengkaji. Oleh itu kajian dapat dilakukan secara berfokus dan menyeluruh terhadap nilai-nilai budaya yang diketengahkan dalam Surah Al-Kahfi.

Tinjauan literatur

Kajian berkaitan nilai budaya dalam penulisan karya sastera banyak dilakukan oleh pengkaji terdahulu. (Norazlina Haji Mohd. Kiram et al., 2017) telah melakukan kajian bertajuk "*Nilai Budaya dalam Novel Penulis ASEAN*". Kajian ini membincangkan nilai budaya daripada tiga novel terpilih oleh penulis ASEAN iaitu novel *Laskar Pelangi-2007* (Indonesia), *Kereta Api Terbalik Langgar Kerbau Di Rembau-2015* (Singapura), dan *Sarjana Bangsa-2015* (Malaysia) berdasarkan kerangka kebudayaan Anwar Din (2008). Kerangka tersebut menggariskan enam aspek kebudayaan antaranya etos, norma, kepercayaan, pandangan, simbol dan hasil. Daripada penelitian tersebut, masih terdapat jurang kajian yang masih boleh dikaji dengan melihat kepada budaya daripada timur tengah dan pemfokusan nilai budaya yang tertumpu kepada beberapa aspek daripada kerangka teori yang dipilih sahaja.

Seterusnya, kajian (Pipik Asteka et al., 2019) turut membincangkan tentang nilai budaya namun terkhusus kepada unsur nilai-nilai budaya dalam *Antologi Cerpen Indonesia-Malaysia*. Maka nilai-nilai budaya lebih tertumpu kepada budaya negara Indonesia dan Malaysia. Struktur karya tersebut terdiri atas unsur intrinsik yang meliputi tema, tokoh, alur, latar, gaya bahasa dan unsur ekstrinsik pula berkait biografi pengarang karya secara umum. Metodologi kajian yang dijalankan berupa metode deskriptif kualitatif. Beberapa dapatan nilai budaya difokuskan kepada aspek dalam lingkungan sistem agama, sistem ekonomi, sistem teknologi, dan bahasa.

Selain itu, (Armet et al., 2021) melalui kajiannya, "*Perspektif Nilai Budaya dalam Cerpen Banun Karya Damhuri Muhammad*" bertujuan untuk mengetahui perspektif nilai budaya dalam cerpen tersebut berdasarkan teori C. Kluckhohn. Teori tersebut juga menjadi fokus dalam kajian yang dijalankan pengkaji, namun perbezaannya adalah pengkaji ingin melihat kepada budaya Arab. Hasil analisis mendapati bahawa terdapat tiga perspektif nilai budaya dalam cerpen tersebut iaitu hakikat hidup, persepsi manusia tentang waktu dan hakikat hubungan manusia dengan alam sekitar. Berdasarkan penelitian tersebut, jurang kajian masih boleh dipenuhi dengan melihat perspektif nilai budaya terhadap hakikat penciptaan manusia dan hubungan manusia sesama kelompoknya serta melihat kepada bahan kajian yang berkisar kepada budaya lain.

Secara keseluruhannya, pengkaji juga dapat menyimpulkan bahawa penerimaan manusia terhadap kegunaan nilai-nilai budaya sebagai kayu ukur dan titik perbandingan antara budaya adalah satu perkara yang penting. Hal ini kerana untuk menetapkan nilai-nilai tersebut yang sentiasa berubah perlulah bergantung pada konteks semasa, dan sentiasa menilai daripada sudut pandang masyarakat melalui pengalaman yang mereka telah lalui. Pengkaji juga mendapati masih terdapat kelompangan kajian setelah meneliti tinjauan literatur kajian lepas dan diharapkan kajian ini dapat mengisi ruang kekosongan tersebut serta menghasilkan kajian yang bermanfaat kepada pengkaji lain secara khususnya dan masyarakat secara umumnya.

Metodologi kajian

Kajian ini merupakan satu penyelidikan kualitatif berbentuk analisis deskriptif dengan menggunakan kaedah kajian berupa analisis dokumen untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai budaya yang dikumpulkan daripada empat kisah dalam Surah Al-Kahfi. Data kajian yang dianalisis adalah berdasarkan teori Orientasi Nilai Budaya yang dikemukakan (Kluckhohn, 1951). Pengkaji juga akan menggunakan kaedah kajian berupa analisis kandungan teks dan kepustakaan untuk menganalisis data daripada kisah Surah Al-Kahfi iaitu kisah Ashabul Kahfi pada ayat 9-26, kisah pemilik dua kebun pada ayat 32-46, kisah Musa bersama Khidir AS pada ayat 60-82 dan kisah Zulkarnain pada ayat 83-98.

Dalam kajian ini, kaedah pengumpulan data akan dilakukan melalui pengumpulan data tekstual untuk mendapatkan maklumat dan informasi daripada dua jenis sumber iaitu sumber primer berupa ayat-ayat al-Quran dan sumber sekunder seperti buku, tesis, jurnal, artikel, laporan dan kitab-kitab tafsir muktabar. Setelah proses pengumpulan data berlaku, penyelidikan akan dilaksanakan dengan menggunakan analisis deskriptif untuk menganalisis data-data yang telah dikumpulkan berkaitan orientasi nilai budaya. Seterusnya, data kajian yang dianalisis berlandaskan Teori Orientasi Nilai Budaya akan direkodkan dan disusun menggunakan aplikasi ATLAS. Ti.

Hasil kajian dan perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan nilai budaya yang terdapat dalam empat kisah dalam Surah Al-Kahfi iaitu kisah Ashabul Kahfi (ayat 9-26), kisah Pemilik Dua Kebun (ayat 32-46), kisah Musa Bersama Khidir AS (ayat 60-82) dan kisah Zulkarnain (ayat 83-98) berdasarkan teori Orientasi Nilai Budaya. Pengkaji memilih tiga orientasi nilai budaya yang dikenali juga sebagai permasalahan utama dalam kehidupan manusia iaitu hakikat hubungan manusia dengan kerja, hakikat hubungan manusia dengan waktu dan hakikat hubungan manusia dengan alam.

Pengkaji mendapati sebanyak enam penemuan nilai budaya dengan keseluruhan sembilan ayat al-Quran yang berkaitan dalam Surah Al-Kahfi. Nilai-nilai budaya tersebut antaranya adalah; 1) nilai tanggungjawab, 2) nilai berusaha, 3) nilai tadhyyah (pengorbanan), 4) nilai tawakal, 5) nilai pendidikan dan 6) nilai tawaduk seperti dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1-Nilai-nilai Budaya Dalam Kisah Surah Al-Kahfi

ORIENTASI NILAI	NILAI BUDAYA	AYAT	NO AYAT
Hakikat hubungan manusia dengan kerja	Nilai tanggungjawab	"قَالَ أَرَأَيْتَ إِذْ أَوْيْنَا إِلَى الصَّخْرَةِ فَإِنِّي نَسِيتُ الْحُوتَ وَمَا أَنسَانِيهِ إِلَّا الشَّيْطَانُ أَنْ أَذْكُرَهُ وَاتَّخَذَ سَبِيلَهُ فِي الْبَحْرِ عَجَبًا"	63
		"قُلْنَا يَا ذَا الْقُرْنَيْنِ إِمَّا أَنْ تُعَذِّبَ وَإِمَّا أَنْ تَتَّخِذَ فِيهِمْ حُسْنًا"	86
	Nilai berusaha	"وَكذَلِكَ بَعَثْنَا لَهُمْ لِيَتَسَاءَلُوا بَيْنَهُمْ ۖ قَالَ قَائِلٌ مِّنْهُمْ كَمْ لَبِثْتُمْ ۖ قَالُوا لَبِثْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ ۖ قَالُوا رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْتُمْ فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنْظُرْ أَيُّهَا أَزْكَى طَعَامًا فَلْيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِّنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا"	19
		"قَالَ لَهُ مُوسَىٰ هَلْ أَتَّبِعُكَ عَلَىٰ أَنْ تُعَلِّمَنِ مِمَّا عَلَّمْتَ رُشْدًا"	66
	Nilai pengorbanan	"وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَتَاهُ لَا أَبْرَحُ حَتَّىٰ أَبْلُغَ مَجْمَعَ الْبَحْرَيْنِ أَوْ أَمْضِيَ حُقُبًا"	60
Hakikat hubungan manusia dengan waktu	Nilai tawakal	"إِذْ أَوَى الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا آتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا"	10
		"وَلَوْلَا إِذْ دَخَلْتَ جَنَّتِكَ قُلْتَ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ ۚ ..."	39
Hakikat hubungan manusia dengan alam	Nilai pendidikan	"...سَأُنَبِّئُكَ بِتَأْوِيلِ مَا لَمْ تَسْتَطِعْ عَلَيْهِ صَبْرًا" "أَمَّا السَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسَاكِينَ يَعْمَلُونَ فِي الْبَحْرِ فَأَرَدْتُ أَنْ أَعِيبَهَا وَكَانَ وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ"	78-82

عَصَبًا

"وَأَمَّا الْعُلَامُ فَكَانَ أَبَوَاهُ مُؤْمِنِينَ فَحَشِينَا أَنْ يُرْهَقَهُمَا

طُعْيَانًا وَكُفْرًا"

"فَأَرَدْنَا أَنْ يُبْدِلَهُمَا رَبُّهُمَا خَيْرًا مِّنْهُ زَكَاةً وَأَقْرَبَ رُحْمًا"

"وَأَمَّا الْجِدَارُ فَكَانَ لِغُلَامَيْنِ يَتِيمَيْنِ فِي الْمَدِينَةِ وَكَانَ

تَحْتَهُ كَنْزٌ لَهُمَا وَكَانَ أَبُوهُمَا صَالِحًا فَأَرَادَ رَبُّكَ أَنْ يَبْلُغَا

أَشُدَّهُمَا وَيَسْتَخْرِجَا كَنْزَهُمَا رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ ۗ وَمَا فَعَلْتُهُ

عَنْ أَمْرِي ۗ ذَلِكَ تَأْوِيلُ مَا لَمْ تَسْطِعْ عَلَيْهِ صَبْرًا"

Nilai tawaduk

"وَكَانَ لَهُ ثَمْرٌ فَقَالَ لِصَاحِبِهِ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَنَا أَكْثَرُ مِنْكَ

34

مَالًا وَأَعَزُّ نَفَرًا"

1. Nilai Budaya Dalam Aspek Hubungan Manusia Dengan Kerja

Analisis menunjukkan sub-komponen nilai budaya yang diletakkan bawah hakikat hubungan manusia dengan kerja. Aspek hubungan manusia dengan kerja tidak dapat dipisahkan kerana manusia adalah makhluk yang cenderung melakukan pekerjaan (homo faber) dengan harapan dapat memberi keuntungan kepada diri mereka sendiri (Mumtaz Ibnu Yasa, 2016). Sebahagian budaya menganggap ianya adalah satu usaha untuk meneruskan kelangsungan hidup. Bagi manusia yang berpegang dengan budaya tersebut tidak tertarik untuk bekerja keras dan hanya melakukan kerja ala kadar. Adapun sebahagian budaya lain memandang kerja adalah untuk memberi kedudukan dan kehormatan serta mencapai prestasi yang lebih tinggi. Bagi kelompok ini, mereka akan berusaha bersungguh-sungguh melakukan sesuatu pekerjaan supaya tercapai apa yang diinginkan. Dalam hal ini, nilai budaya mampu membentuk corak pemikiran dan budaya kerja yang baik di samping dapat meningkatkan produktiviti manusia dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Sub-komponen yang terdiri daripada tiga dapatan nilai budaya iaitu nilai tanggungjawab, nilai berusaha dan nilai tadhiyyah seperti dalam gambar rajah 1 berikut.

Rajah 1- Hakikat Kehidupan Manusia



A) Nilai Tanggungjawab

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), tanggungjawab bermaksud satu tanggungan yang wajib dipikul oleh seseorang daripada pelbagai aspek seperti contoh seorang bapa bertanggungjawab dalam menjaga kebajikan keluarganya, seorang pelajar bertanggungjawab untuk menuntut ilmu bersungguh-sungguh, seorang penjual bertanggungjawab terhadap barangan yang dijualnya dan lain-lain lagi. Kredibiliti seseorang akan terserlah apabila dia bertanggungjawab dalam perkara yang dilakukannya. Nilai ini penting dalam setiap individu dalam menjalani kehidupan kerana setiap perkara memerlukan kepada tanggungjawab dari sekecil-kecil perkara sehingga sebesar-besar perkara. Nilai ini dapat dilihat melalui perkataan atau frasa penting dalam data (1) yang dikemukakan seperti berikut:

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
1.	Tanggungjawab	"قَالَ أَرَأَيْتَ إِذْ أَوَيْنَا إِلَى الصَّخْرَةِ فَإِنِّي نَسِيتُ الْخُبُوتَ وَمَا أَنسَانِيهِ إِلَّا الشَّيْطَانُ أَنْ أَذْكُرَهُ وَاتَّخَذَ سَبِيلَهُ فِي الْبَحْرِ عَجَبًا"	Temannya berkata: "Tahukah apa yang telah terjadi ketika kita berehat di batu besar itu? Sebenarnya aku lupa hal ikan itu; dan tiadalah yang menyebabkan aku lupa daripada menyebutkan halnya kepadamu melainkan Syaitan; dan ikan itu telah menggelunsur menempuh jalannya di laut, dengan cara yang menakjubkan".	63

Konteks: Pengkaji mendapati data di atas mengandungi nilai tanggungjawab yang ada dalam diri pembantu nabi Musa iaitu Yusya' bin Nun. Nabi Musa memaklumkan bahawa mereka akan berhenti menemui Khidir di satu tempat pertemuan laut. Ketika dalam perjalanan ke tempat tersebut, bekalan ikan yang dibawa mereka terlepas melompat ke dalam laut. Namun nabi Musa tidak sedar akan hal itu dan meneruskan perjalanan seperti biasa. Apabila nabi ingin berehat dan meminta ikan yang dibawa sebagai bekalan, pembantu nabi Musa memaklumkan tentang hal ikan yang terlepas ke dalam laut (قَالَ أَرَأَيْتَ إِذْ أَوَيْنَا إِلَى الصَّخْرَةِ).

Dalam kitab tafsir Munir (وهبة الزحيلي, ٢٠١٦) menafsirkan, pembantunya mengaku akan kesalahan yang dilakukannya (فإني نسيت الخبوت) iaitu kehilangan ikan itu atau lupa tentangnya. Dan yang menyebabkan sifat lupa itu adalah syaitan (وما أنسانيه إلا الشيطان أن أذكره). Berdasarkan tindakan pembantu tersebut, ia menunjukkan bahawa pembantunya adalah

seorang yang bertanggungjawab dengan mengaku kesalahannya kerana terlupa. Dia tidak mencipta alasan lain atau menipu nabi tentang perkara tersebut.

Perkataan atau frasa penting dalam data (2) dikemukakan seperti berikut:

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
2.	Tanggungjawab	<p>"فُلْنَا يَا ذَا الْقُرْنَيْنِ إِمَّا أَنْ تُعَذِّبَ وَإِمَّا أَنْ تَتَّخِذَ فِيهِمْ حُسْنًا"</p>	<p>Kami berfirman (dengan mengilhamkan kepadanya): "Wahai Zulkarnain! Pilihlah sama ada engkau hendak menyiksa mereka atau engkau bertindak secara baik terhadap mereka".</p>	86

Konteks: Data di atas menunjukkan nilai tanggungjawab yang dimiliki Zulkarnain. Beliau yang diberikan tanggungjawab sebagai penguasa, melaksanakan tanggungjawab dengan sebaiknya. Contoh ini dapat dilihat ketika Allah memberi pilihan kepada zulkarnain untuk menetapkan hukuman (إِمَّا أَنْ تُعَذِّبَ وَإِمَّا أَنْ تَتَّخِذَ فِيهِمْ حُسْنًا).

Dalam kitab (ابن كثير, ١٩٩٩) menafsirkan bahawa daripada pilihan yang diberikan, beliau boleh sahaja membunuh dan menawan penduduk atau memberikan ganjaran atau menarik fidyah dan lain-lain. Akan tetapi beliau berlaku adil terhadap rakyatnya melalui hukuman dengan seksaan bagi yang membuat aniaya dan memberikan ganjaran kepada sesiapa yang beramal soleh. Daripada penjelasan tersebut, dapat disimpulkan bahawa nilai tanggungjawab diterapkan melalui perintah yang diturunkan Allah dan bagaimana Zulkarnain boleh mentaatinya panduan-Nya.

B) Nilai Berusaha

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), usaha adalah satu daya upaya dalam bentuk kegiatan, perbuatan dan lain-lain untuk melaksanakan dan mencapai sesuatu Ia adalah salah satu nilai yang penting dan perlu diterapkan dalam diri setiap individu agar dapat membentuk masyarakat yang produktif dan mampu menyelesaikan rintangan yang dihadapi dalam kehidupan. Di samping itu, berusaha bersungguh-sungguh dalam sesuatu perkara akan membawa kepada pengakhiran yang sempurna dan baik. Rasulullah SAW pernah berpesan menerusi hadith baginda yang diriwayatkan daripada saidatina Aisyah, "Sesungguhnya Allah menyukai apabila salah seorang daripada kamu melakukan sesuatu pekerjaan, dia melakukannya dengan baik, sempurna dan teliti." (Riwayat Al-Baihaqi). Berikut merupakan data kajian yang mengandungi nilai berusaha dalam kisah yang terdapat dalam Surah Al-Kahfi.

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
1.	Berusaha	"وَكذَلِكَ بَعَثْنَاهُمْ لِيَتَسَاءَلُوا بَيْنَهُمْ ۖ قَالَ قَائِلٌ مِّنْهُمْ كَمْ لَبِئْتُمْ ۗ قَالُوا لَبِئْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ ۗ قَالُوا رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِئْتُمْ فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنْظُرْ أَيُّهَا أَزْكَى طَعَامًا فَلْيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِّنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا	Dan demikianlah pula Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), supaya mereka bertanya-tanya sesama sendiri. Salah seorang di antaranya bertanya: "Berapa lama kamu tidur?" (sebahagian dari) mereka menjawab: "Kita telah tidur selama sehari atau sebahagian dari sehari". (Sebahagian lagi dari) mereka berkata: "Tuhan kamu lebih menengetahui tentang lamanya kamu tidur; sekarang utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar; kemudian biarlah dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ); kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya; dan hendaklah ia berlemah-lembut dengan bersungguh-sungguh (semasa di bandar); dan janganlah dia melakukan sesuatu yang menyebabkan sesiapa pun menyedari akan hal kamu.	19

Konteks: Data kajian di atas mengandungi nilai berusaha yang didapati melalui kisah pemuda Al-Kahfi yang berusaha mencari jawapan tentang keadaan dan tempoh mereka tidur di dalam gua serta mencari makanan di kota.

Menurut (وهبة الزحيلي, ٢٠١٦) dalam tafsirnya menjelaskan daripada firman Allah SWT; (وَكذَلِكَ بَعَثْنَاهُمْ) yang bermaksud Allah telah memberi cahaya petunjuk dan kemudiannya menidurkan mereka, dan dalam masa yang sama menjaga tubuh mereka agar tidak rosak dan hancur walaupun tanpa makan dan minum dalam jangka masa yang lama. Hal ini berlanjutan sehingga Allah membangkitkan mereka kembali setelah terlelap dari tidur yang panjang. Allah juga menginginkan mereka saling bertanya dan mengambil berat antara satu sama lain dalam ayat (لِيَتَسَاءَلُوا بَيْنَهُمْ). Kemudian berlaku soal jawab antara mereka (قَالَ قَائِلٌ مِّنْهُمْ كَمْ لَبِئْتُمْ) iaitu salah satu daripada mereka bertanya, "Berapa lama kita berada di sini?" Atau "Berapa lama kita terlelap dalam tidur?" Hal ini kerana mereka merasakan tidur yang lama sedangkan pemuda lain menjawab (قَالُوا لَبِئْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ) bererti tidur lebih kurang satu hari atau separuh hari, kerana mereka masuk ke dalam gua tersebut pada waktu pagi dan mereka bangun dalam keadaan tengah hari. Kemudian mereka berusaha pula untuk memenuhi keperluan mereka dengan mencari makanan dan minuman (فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ) dengan mengutus salah seorang dari mereka ke kota dengan membawa dirham atau perak.

Perkataan atau frasa penting dalam data (2) dikemukakan seperti berikut:

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
2.	Berusaha	"قَالَ لَهُ مُوسَىٰ هَلْ أَتَّبِعُكَ عَلَيَّ أَنْ تُعَلِّمَنِي مِمَّا عَلَّمْتَ رَسُولًا"	Nabi Musa berkata kepadanya: Bolehkah aku mengikutmu, dengan syarat engkau mengajarku dari apa yang telah diajarkan oleh Allah kepadamu, ilmu yang menjadi petunjuk bagiku?"	66

Konteks: Data kajian di atas mengandungi nilai berusaha yang terdapat dari pertanyaan yang dilontarkan oleh Nabi Musa kepada Khidir (هَلْ أَتَّبِعُكَ) yang ditafsirkan oleh (ابن كثير, ١٩٩٩) iaitu menemani Khidir. Hal ini menunjukkan nabi berusaha untuk menuntut ilmu dan bersedia untuk menjadi muridnya. Kemudian dari firman-Nya (عَلَيَّ أَنْ تُعَلِّمَنِي مِمَّا عَلَّمْتَ رَسُولًا) yang menjelaskan nabi mengakui bahawa masih banyak perkara yang belum diketahuinya. Nabi mengharapkan kelebihan ilmu yang dimiliki Khidir dapat dipelajari dan dijadikan petunjuk dalam menangani urusannya, iaitu ilmu yang bermanfaat dan amal soleh.

Daripada peristiwa ini, jelas bahawa nabi tetap berusaha untuk menuntut ilmu walaupun nabi sendiri adalah seorang yang sudah berilmu. Di samping itu nilai ini membawa kepada keazaman dan tekad yang tinggi supaya pekerjaan yang dilakukan dapat disempurnakan dengan baik dan akhirnya menyerahkan keputusan dan urusan tersebut kepada Allah SWT.

C) Nilai Tadhiyyah (pengorbanan)

Definisi "نضحية" dari sudut bahasa adalah isim dan perkataan masdar adalah "ضحى". Dari sudut istilah, tadhiyyah bermaksud mengorbankan diri demi sesuatu perkara, pemikiran atau orang lain tanpa mengharapkan balasan. Contoh tadhiyyah adalah seperti pengorbanan seseorang dari sudut masa, tenaga, wang, harta benda, ilmu, dan sebagainya. Nilai pengorbanan juga tidak mengenal erti darjat atau kedudukan seseorang, akan tetapi usaha dan keikhlasan seseorang itu yang akan membuktikan pengorbanan yang dilakukannya. Dalam surah kahfi ini, terdapat satu data kajian berkaitan contoh nilai tadhiyyah (pengorbanan) yang boleh pelajari, iaitu:

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
1.	Tadhiyyah	"وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِفَتَاهُ لَا أُبْرِحُ حَتَّىٰ أَبْلُغَ مَجْمَعَ الْبَحْرَيْنِ أَوْ أَمْضِيَ حُقُبًا"	Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Nabi Musa berkata kepada temannya: "Aku tidak akan berhenti berjalan sehingga aku sampai di tempat pertemuan dua laut itu atau aku berjalan terus bertahun-tahun".	60

Konteks: Data di atas menunjukkan nilai pengorbanan ketika nabi Musa tekad untuk berguru dengan seorang hamba soleh bernama Khidir. Dalam kitab tafsir (ابن كثير, ١٩٩٩) menafsirkan, nabi Musa keluar bersama pembantunya, Yusya' bin Nun untuk bertemu seorang hamba Allah yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tidak dimilikinya di tempat


pertemuan dua laut. Nabi berkata kepada pembantunya; (لَا أُبْرِحُ) yang bermaksud aku akan terus berjalan, sehinggalah beliau sampai di tempat yang dituju atau (أَمْضِي حُفْبًا) iaitu aku akan berjalan sampai bertahun-tahun walaupun jaraknya jauh.

Ibnu jarir menceritakan beliau mendapat keterangan daripada ahli bahasa yang mengatakan *huqubaa* bererti setahun. Terdapat juga riwayat lain yang berpendapat 80 tahun. Dari penjelasan tersebut, dapat disimpulkan terdapat nilai pengorbanan dalam diri nabi Musa untuk menuntut ilmu daripada hamba Allah bernama Khidir. Nabi Musa sanggup mengorbankan masa, tenaga dan kedudukan beliau hanya untuk belajar dan menunaikan perintah yang diwahyukan oleh Allah SWT kepadanya.

2. Nilai Budaya Dalam Aspek Hubungan Manusia Dengan Waktu

Aspek hubungan manusia dengan waktu dalam kebudayaan masyarakat mempunyai perbezaanya yang tersendiri. Orientasi masa sesuatu budaya mempengaruhi cara mereka menghargai masa, dan sejauh mana mereka boleh mengawal masa. Secara umumnya, terdapat tiga orientasi waktu yang dilihat masyarakat. Pertama, sebahagian manusia cenderung untuk melihat kepada masa lalu (past-oriented) dan menjadikan pengalaman dan peristiwa masa lalu sebagai pedoman menghadapi kehidupan masa akan datang. Kedua, terdapat budaya lain yang melihat waktu pada masa sekarang (present-oriented) tanpa mempertimbangkan masa lalu atau masa akan datang. Ketiga, wujud budaya yang memberi perhatian terhadap orientasi masa hadapan (future-oriented). Ketiga-tiga orientasi waktu ini mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri, namun jika diseimbangkan antaranya dapat memberikan impak yang positif. Analisis yang dilakukan oleh pengkaji mendapati terdapat nilai tawakal di bawah aspek hubungan manusia dengan waktu seperti dalam rajah di bawah.

Rajah 2- Hakikat Hubungan Manusia Dengan Waktu



A) Nilai Tawakal

Tawakal adalah berserah diri kepada Tuhan setelah berusaha dan berikhtiar dalam sesuatu perkara serta meletakkan kepercayaan sepenuh hati kepada Tuhan. Allah SWT berfirman:

"وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ"

Maksudnya: Dan (Ingatlah), sesiapa yang berserah diri kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya).

Ibn Qayyim menjelaskan daripada firman Allah SWT tersebut, bahawa disebut ganjaran dari tawakkal adalah Allah akan mencukupkan keperluannya. Jika seseorang itu benar-benar tawakkal dan berserah diri kepada Allah, maka Allah akan memberikan jalan keluar melalui langit dan bumi serta setiap makhluk di dalamnya yang Allah tundukkan. Orang yang

bertawakkal akan diberi kecukupan dan pertolongan oleh Allah SWT. Dapatan kajian berikut mengandungi data berkaitan nilai tawakal.

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
1.	Tawakal	"إِذْ أَوْى الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا آتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا"	(Ingatkanlah peristiwa) ketika serombongan orang-orang muda pergi ke gua	10

Konteks: Data di atas menjelaskan tentang nilai tawakal dalam diri pemuda Kahfi yang berserah diri kepada Allah SWT setelah berusaha menyelamatkan diri mereka dan mencari tempat berlindung dari raja yang ingin menzalimi mereka untuk menyembah selain Allah SWT. Kemudian Allah memberi petunjuk kepada mereka untuk berlindung di sebuah gua dan menjaga mereka daripada ditemui raja zalim itu.

Dalam kitab (ابن عاشور, ١٩٨٤), menafsirkan (مِنْ أَمْرِنَا) yang bermaksud "dijadikan petunjuk yang lurus dalam urusan kami" terdiri daripada beberapa perkara; 1) musuh tidak berjaya mengikuti mereka, 2) Allah ilhamkan kedudukan gua, 3) mereka dalam keadaan yang baik tidak cedera tubuh badan, 4) diberi tidur yang panjang agar berubah keadaan penduduk yang kufur, 5) mereka tetap pada jalan Allah dan mendapat pertolongan yang berterusan, dan 6) mereka dijadikan bukti bagi kebenaran agama, kekuasaan Allah SWT, dan perkara kebangkitan.

Dapat disimpulkan bahawa hubungan manusia dengan waktu dan nilai tawakal mempunyai hubungkait dalam penentuan tindakan yang memberi tindak balas dan hasil untuk satu jangka masa panjang. Al-Qur'an menerangkan bahawa waktu sudah ada (berjalan) sebelum manusia wujud di muka bumi. Waktu terus berjalan sehingga satu batas yang tidak diketahui oleh manusia. Maka dalam konsep tawakal oleh pemuda ashabul kahfi, mereka memanfaatkan ruang waktu yang ada dengan usaha mereka dan berserah diri kepada Allah. Dengan keseimbangan terhadap orientasi masa lalu (past-oriented), masa ketika itu (present-oriented) dan masa hadapan (future-oriented), ia mendorong mereka mengambil tindakan betul dengan izin Allah.

Perkataan atau frasa penting dalam data (2) dikemukakan seperti berikut:

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
2.	Tawakal	"وَلَوْلَا إِذْ دَخَلْتَ جَنَّتَكَ قُلْتَ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ..."	Dan sepatutnya semasa engkau masuk ke kebunmu, berkata: (Semuanya ialah barang yang dikehendaki Allah)! (tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah)?	39

Konteks: Ayat di atas adalah data berkaitan nilai tawakal. Dalam tafsir Munir oleh (وهبة الزحيلي, ٢٠١٦) menafsirkan, lelaki yang beriman berpesan kepada kawannya yang kaya

ketika memasuki kebun, untuk mengucapkan syukur terhadap Allah atas segala nikmat yang telah diberikan dengan mengucapkan (مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ). Hal ini demikian membuktikan pengakuan kehambaan kepada Allah dan pengakuan ke atas kelemahannya sendiri. Terdapat saranan juga daripada Rasulullah SAW yang diriwayatkan al-Hafiz Abu Ya'laa dari Anas RA dia berkata, Rasulullah SAW bersabda:

"مَا أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَى عَبْدٍ نِعْمَةً مِنْ أَهْلِ أَوْ مَالٍ أَوْ وَلَدٍ فَيَقُولُ: مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، فَيَرَى فِيهِ آفَةً دُونَ الْمَوْتِ"


Maksudnya: "Tidaklah Allah menganugerahu hambanya keluarga, harta, atau anak kemudian hamba itu berkata, *"MasyaAllah, laa quwwata illa billah"* kecuali hamba tersebut tidak akan melihat keburukan pada nikmat tersebut, kecuali kematian." (HR Al-Hafiz Abu Ya'laa)

Daripada kisah tersebut, ia mengajar erti nilai tawakal yang perlu difahami dan disandarkan kepada Allah SWT dan bukan menganggap segala hasil yang diperolehi adalah kerana usaha diri sendiri semata-mata. Namun lelaki kaya itu lupa bersyukur kepada Allah dan mengingati bahawa setiap perkara yang diciptakan adalah milik-Nya. Hal ini kerana tawakkal yang benar hendaklah dengan melakukan pelbagai usaha dengan bersungguh, seterusnya meletakkan dan menyerahkan urusan selebihnya kepada Allah SWT.

3. Nilai Budaya Dalam Aspek Hubungan Manusia Dengan Alam

Cara manusia bersikap terhadap alam ini dipanggil hakikat hubungan manusia dengan alam. Dalam konteks ini, terdapat budaya yang berpandangan bahawa alam mempunyai aura kekuatan yang kuat sehingga manusia mesti tunduk dan berserah kepada alam. Selain daripada itu, terdapat budaya lain yang menganggap bahawa manusia mempunyai keperluan atau tanggungjawab untuk mengawal alam semula jadi. Dan terakhir, terdapat juga budaya yang melihat manusia setaraf dengan alam atau dengan erti kata lain harus bekerja dengan alam semula jadi untuk mencari titik persamaan antara satu sama lain dalam mengekalkan keharmonian dan keseimbangan. Dalam rajah di bawah, pengkaji melakukan analisis terhadap dua dapatan nilai budaya iaitu nilai pendidikan dan nilai tawaduk yang diperolehi daripada kisah Pemilik Dua Kebun yang dilihat mempunyai hubungan dengan alam.

Rajah 3- Hakikat Hubungan Manusia Dengan Alam



A) Nilai Pendidikan

Pendidikan adalah suatu proses pengajaran dan pembelajaran dalam kehidupan yang merangkumi pelbagai aspek samada secara formal atau tidak formal. Ia menjadi salah satu dasar pembangunan negara yang terpenting kerana negara tidak akan maju tanpa pendidikan

yang berkualiti. Dalam Islam, tuntutan terhadap ilmu sangat penting sehinggakan nabi SAW pernah bersabda; "menuntut ilmu itu wajib bagi setiap kaum muslimin" (Hadis Riwayat Imam Ibnu Majjah). Ilmu memandu manusia untuk terus maju dan menjadi bertamadun serta menyumbang kepada pembangunan negara di samping menjadi bekalan hidup dunia dan akhirat. Berikut merupakan data kajian berkaitan nilai pendidikan yang dianalisis oleh pengkaji dalam Surah Al-Kahfi.

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
1.	Pendidikan	<p>قَالَ هَذَا فِرَاقُ بَيْنِي وَبَيْنِكَ سَأُنَبِّئُكَ بِتَأْوِيلِ مَا أَمْ تَسْتَطِيعُ عَلَيْهِ صَبْرًا</p>	<p>Ia menjawab: "Inilah masanya perpisahan antaraku denganmu, aku akan terangkan kepadamu maksud (kejadian-kejadian yang dimusykilkan) yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya.</p>	78-82

Konteks: Daripada data di atas, nilai pendidikan ditunjukkan melalui kisah nabi Musa dan Khidir ketika pengembaraan nabi menuntut ilmu. Menurut Ibnu Kathir (2008), pendidikan secara halus melalui perbuatan khidir adalah ilmu yang beliau terima secara langsung dari Allah SWT yang kemudiannya diperlihatkan kepada nabi Musa. Setelah nabi melanggar perjanjian dan Khidir mengatakan perpisahan antara mereka, beliau menjelaskan setiap perlakuannya kepada nabi (سَأُنَبِّئُكَ بِتَأْوِيلِ) iaitu dengan penafsiran yang terperinci. setiap perbuatan diterangkan kepada nabi bermula dengan peristiwa membocorkan sampan;

أَمَّا السَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسَاكِينَ يَعْمَلُونَ فِي الْبَحْرِ فَأَرَدْتُ أَنْ أَعِيبَهَا وَكَانَ وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا

Kemudian peristiwa pembunuhan budak kecil;

﴿٨٠﴾ "فَأَرَدْنَا أَنْ يُبْدِهُمَا رَبُّهُمَا خَيْرًا مِّنْهُ زَكَاءً وَأَقْرَبَ رَحْمًا" وَأَمَّا الْغُلَامُ فَكَانَ أَبَوَاهُ مُؤْمِنَيْنِ فَخَشِينَا أَنْ يُرْهِقَهُمَا طُغْيَانًا وَكُفْرًا"

﴿٨١﴾

Sehinggalah peristiwa membaik pulih dinding rumah milik dua anak yatim di kota itu;

وَأَمَّا الْجِدَارُ فَكَانَ لِغُلَامَيْنِ يَتِيمَيْنِ فِي الْمَدِينَةِ وَكَانَ تَحْتَهُ كَنْزٌ لَهُمَا وَكَانَ أَبُوهُمَا صَالِحًا فَأَرَادَ رَبُّكَ أَنْ يَبْلُغَا أَشُدَّهُمَا وَيَسْتَخْرِجَا كَنْزَهُمَا

رَحْمَةً مِّنْ رَبِّكَ

B) Nilai Tawaduk

Tawaduk adalah sikap merendah diri dan bersederhana dalam sesuatu perkara. Dalam Islam, nilai tawaduk sangat dituntut untuk meningkatkan kualiti seorang manusia di sisi Allah SWT di samping mengajar manusia untuk tidak bersikap takabur yang akan mengikis nilai kebaikan yang ada pada diri. Rasulullah SAW yang merupakan manusia paling agung, menunjukkan nilai tawaduk melalui akhlak dan keperibadian baginda yang bersederhana dalam kehidupan di dunia. Contoh nilai tawaduk yang dianalisis daripada data kajian adalah seperti berikut.

Data	Kod	Perkataan/Frasa	Makna Literal	No Ayat
1.	Tawaduk	"وَكَانَ لَهُ ثَمَرٌ فَقَالَ لِصَاحِبِهِ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَنَا أَكْثَرُ مِنْكَ مَالًا وَأَعَزُّ نَفَرًا"	Tuan kebun itu pula ada mempunyai harta (yang lain); lalu berkatalah ia kepada rakannya, semasa ia berbincang dengannya: "Aku lebih banyak harta daripadamu, dan lebih berpengaruh dengan pengikut-pengikutku yang ramai".	34

Konteks: Frasa mengandungi ayat tentang pemilik dua kebun yang sombong dan bangga diri. Menurut (وهبة الزحيلي, ٢٠١٦), pemilik dua kebun tersebut memiliki kekayaan lain (وَكَانَ لَهُ ثَمَرٌ) yang berupa emas dan perak hasil perniagaan yang dilakukannya. Hasil daripada itu, dia seraya membanggakan diri dan merendahkan kawannya dalam dialog (أَنَا أَكْثَرُ مِنْكَ مَالًا وَأَعَزُّ نَفَرًا), yang bermaksud harta, pembantu dan pengikut. Qatadah mengatakan; "Yang demikian itu merupakan angan-angan orang jahat, iaitu dengan memiliki harta kekayaan dan kekuatan yang besar."

Hal ini menunjukkan lelaki kaya itu tidak mempunyai nilai tawaduk dalam diri sehingga menimbulkan sikap takabur dan lupa akan segala nikmat yang Allah beri. Sedangkan manusia yang mempunyai nilai tawaduk akan sentiasa tunduk pada perintah Allah SWT, mendengar nasihat dan mengambil pengajaran daripada teguran yang diterima.

Cadangan dan rumusan kajian

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa kajian lanjutan boleh dijalankan dalam skop bidang yang sama bagi menyelidik perspektif ilmu yang lebih luas. Pengkaji menyarankan kepada penyelidik akan datang untuk mengkaji nilai-nilai budaya meliputi keseluruhan al-Quran. Selain itu, pengkaji boleh menggunakan kerangka teori dari perspektif islamik yang lain berkaitan orientasi nilai budaya. Di samping itu, penulis ingin mencadangkan agar kajian ini dilanjutkan dan diluaskan konteksnya melibatkan nilai-nilai lain, perundangan dan fakta-fakta penting. Kajian analisis terhadap kisah-kisah dalam Surah Al-Kahfi ini diharapkan dapat menjadi panduan dan pengajaran kepada semua penyelidik, guru, pelajar, masyarakat dan lain-lain untuk mengembalikan tamadun bangsa yang terbilang melalui pengaplikasian dan pengamalan budaya yang baik dan menjauhi perkara yang membawa kepada kemusyrikan dan kekufuran.

Setelah meneliti dan menganalisis kajian secara terperinci, terdapat enam dapatan nilai budaya yang dikenal pasti daripada sembilan ayat al-Quran dalam Surah Al-Kahfi. Dengan pengaplikasian teori orientasi nilai budaya, dapatan analisis menunjukkan nilai yang paling penting dalam aspek orientasi nilai budaya yang dipilih adalah nilai tanggungjawab, nilai berusaha, dan nilai tawakal dengan setiap dua dapatan ayat al-Quran dalam kisah yang berbeza. Manakala nilai yang mempunyai data kajian paling sedikit sebanyak satu data kajian adalah nilai tadhyyah (pengorbanan), nilai pendidikan dan nilai tawaduk.

Berdasarkan dapatan yang telah dikemukakan, orientasi nilai budaya iaitu aspek hubungan manusia dengan kerja menjadi satu indikator dalam memberi kemajuan terhadap diri dan ketamadunan negara. Kesan daripada pengamalan nilai budaya menyebabkan tindakan yang baik dalam melakukan suatu perkara. Justeru dalam konteks kisah dalam Surah Al-Kahfi bukan sahaja sekadar kisah ajaib, tetapi untuk menyelesaikan masalah utama kehidupan dan menyuburkan nilai budaya positif dalam diri masyarakat.

Rujukan

- Ibn `Asyūr. (1984). *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: Al-Dar al-Tūnisiyyah.
- Ibn Kathīr. (1999). *Tafsīr al-Qurān al-`Azīm*. Beirut: Dār Ṭayyibah.
- Maaruf, R. (2020). *Al-Qiyam Al-Thaqāfiyyah Fī Al-Sīnamā Al-Jazāiriyyah “Ṭabi’ah al-Ḥal”*. Doctoral Dissertation, M'sila: University Mohamed Boudiaf.
- Hilāl, N. I., Ibrāhīm, A. I. (2020). Al- Qiyam Al-Thaqāfiyyah Fī Azyā’ Al-Nakhbah Al-Iḥtifāl Bi al-Yaum Al-Waṭanī al-Sa`ūdī. *Journal of Arts, Literature, Humanities and Social Sciences*, 62, 360–379.
- Wahbah al-Zuḥaylī. (2016). *Al-Tafsīr al-Munīr*. Beirut: Dar al-Fikr
- Armet, Lidya Atsari, & Emil Septia. (2021). Perspektif nilai budaya dalam cerpen Banun karya Damhuri Muhammad. *Disastra: Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 3(2), 174–183.
- Asmah Haji Omar. (2020). Kajian linguistik dan antropologi. In *Wacana, Teks, Genre: Teori Dan Kaedah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Benson, G. S., McIntosh, C. K., Salazar, M., & Vaziri, H. (2020). Cultural values and definitions of career success. *Human Resource Management Journal*, 30(3), 392–421.
- Devi Eka Diantika. (2020). العلاقة بين اللغة و الثقافة. *An-Nas: Jurnal Humaniora*, 4(1), 22–31.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kluckhohn, C. (1951). *Values and value-orientations in the theory of action: An explanation in definition and classification*. MA: Harvard University Press.
- Kluckhohn, C. (1962). *Culture and Behavior*. Free Press of Glencoe.
- Mumtaz Ibnu Yasa. (2016). *Nilai budaya dalam Al-Qur’an (Tafsir Tematik)*. UIN Sunan Kalijaga.
- Norazlina Haji Mohd. Kiram, Kura, C. H., & Kamariah Kamarudin. (2017a). Nilai budaya dalam Novel Penulis ASEAN. *Pertanika Mahawangsa*, 4(1), 1–16.
- Norazlina Haji Mohd. Kiram, Kura, C. H., & Kamariah Kamarudin. (2017b). Nilai Budaya dalam Novel Penulis ASEAN. *Jurnal Bahasa, Budaya Dan Warisan Melayu*, 4(1), 1–16.
- Nurul Hafidhah, Wildan, & Sa’adiah. (2017). Analisis nilai budaya dalam novel Lampuki karya Arafat Nur. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Jurusan PBSI*, 2(4), 393–399.
- Pipik Asteka, Yulia Ningsih, & Suryo Ediyono. (2019). Nilai-nilai budaya dalam antologi cerpen Indonesia-Malaysia dan implementasinya sebagai bahan ajar apresiasi sastra di SMA. *Jurnal Pendidikan, Kebahasaan, Dan Kesusastraan Indonesia*, 3(1), 11–23.
- Siti Nur Aisyah Mohd Azemi, & Sarinah Yahya. (2019). Membangun peradaban Islam menurut al-Qur’an: Penelitian surah al-Kahfi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(7), 178–186.
- Syukran. (2018). Teori budaya dan pembelajaran Bahasa Arab bagi masyarakat Aceh. *An-Nabighoh*, 20(02), 162–177.